



**KENYATAAN AKHBAR  
YANG BERTHORMAT MULIA TENGGU YANG DIPERTUA MAJLIS  
AGAMA ISLAM DAN ADAT ISTIADAT MELAYU KELANTAN  
(MAIK)**

**KEBENARAN SOLAT JUMAAT, SOLAT FARDU, SOLAT SUNAT TERAWIH DAN  
AKTIVITI-AKTIVITI PENGIMARAHAN MASJID NEGERI/BANDAR/JAJAHAN/MUKIM  
SERTA SURAU DAN MUSOLLA DI JAJAHAN KOTA BHARU, BACHOK, PASIR PUTEH,  
PASIR MAS, MACHANG, TANAH MERAH DAN TUMPAT**

Memaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Muhammad V, Sultan dan Yang Dipertuan bagi Negeri Kelantan Darul Naim sebagai Ketua Agama Islam Negeri sebagaimana peruntukan Perkara 6 (1) Undang-undang Perlembagaan Tubuh Kerajaan Kelantan telah mengampuni perkenan kebenaran Solat Jumaat, Solat Fardu, Solat Sunat Terawih dan aktiviti-aktiviti pengimarahannya di Masjid Negeri/Bandar/Jajahan/Mukim bagi **Jajahan Kota Bharu, Bachok, Pasir Puteh, Pasir Mas, Machang, Tanah Merah dan Tumpat bermula 16 April 2021M bersamaan 04 Ramadan 1442H sehingga tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berakhir.**

Pelaksanaan Solat Jumaat, Solat Fardu, Solat Sunat Terawih dan aktiviti-aktiviti pengimarahannya Masjid Negeri/Bandar/Jajahan/Mukim serta Surau dan Musolla di dalam jajahan-jajahan tersebut adalah sebagaimana berikut:

- i. Bagi Solat Jumaat, Solat Fardu, Solat Sunat Terawih dan Qiamullail di Masjid Negeri, Bandar dan Jajahan **dibenarkan dengan kehadiran tujuh puluh peratus (70%) manakala bagi masjid mukim, surau dan musolla dibenarkan dengan kehadiran lima puluh peratus (50%) mengikut kapasiti sebenar** masjid, surau dan musolla **dengan penjarakan fizikal satu (1) meter** dan boleh **dilaksanakan lapan (8) rakaat** dengan bacaan surah atau ayat pendek dalam tempoh **tidak lebih empat puluh lima (45) minit** tidak termasuk solat Isyak.

- ii. **Tazkirah tidak dibenarkan sepanjang pelaksanaan Solat Sunat Terawih** manakala tazkirah subuh, asar dan lain-lain adalah dibenarkan dengan **kehadiran tujuh puluh peratus (70%)** bagi Masjid Negeri, Bandar dan Jajahan **manakala lima puluh peratus (50%)** bagi masjid mukim, surau dan musolla **mengikut kapasiti sebenar** masjid, surau dan musolla dengan **penjarakan fizikal satu (1) meter** dalam tempoh **tidak lebih empat puluh lima (45) minit**.
- iii. **Aktiviti Tadarus Al-Quran adalah dibenarkan dengan kehadiran tujuh puluh peratus (70%)** bagi Masjid Negeri, Bandar dan Jajahan manakala **lima puluh peratus (50%)** bagi masjid mukim, surau dan musolla **mengikut kapasiti sebenar** masjid, surau dan musolla dengan **penjarakan fizikal satu (1) meter** dalam tempoh **tidak lebih empat puluh lima (45) minit**.
- iv. **Qiamullail adalah dibenarkan** sepanjang Ramadan **dengan kehadiran tujuh puluh peratus (70%)** bagi Masjid Negeri, Bandar dan Jajahan **manakala lima puluh peratus (50%)** bagi masjid mukim, surau dan musolla **mengikut kapasiti sebenar** masjid, surau dan musolla dengan **penjarakan fizikal satu (1) meter** dalam tempoh **tidak lebih empat puluh lima (45) minit**.
- v. **Jamuan berbuka puasa, bersahur dan moreh tidak dibenarkan**, walaubagaimana pun masjid, surau dan musolla boleh menyediakan menu berbuka, bersahur serta moreh secara bungkus dan diagihkan kepada Jemaah untuk dibawa pulang.
- vi. Iktikaf di masjid adalah dibenarkan **dengan kehadiran tujuh puluh peratus (70%)** bagi Masjid Negeri, Bandar dan Jajahan **manakala lima puluh peratus (50%)** bagi masjid mukim, surau dan musolla **mengikut kapasiti sebenar** masjid, surau dan musolla dengan **penjarakan fizikal satu (1) meter**.

- vii. Tidak dibenarkan untuk mendapatkan khidmat Imam untuk Solat Terawih dan Penceramah untuk program Ihya Ramadan daripada luar negeri Kelantan.
- viii. Jemaah digalakkan untuk mengambil wuduk di rumah masing-masing.

Bagi **Jajahan Gua Musang, Kuala Krai dan Jeli** adalah sebagaimana Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah dikeluarkan sebelum ini.

Oleh itu, pihak MAIK amat mengharapkan kerjasama daripada semua pihak terutama umat Islam secara amnya dalam melaksanakan ketetapan ini. SOP sebagaimana di atas hendaklah dipatuhi sepenuhnya oleh pihak pengurusan masjid/surau/musolla. Tindakan sewajarnya akan diambil di atas kegagalan untuk mematuhi SOP ini. Bersama-samalah kita istiqamah dan yakin bahawa Allah S.W.T pasti membantu dan memperkenankan doa serta harapan kita semua.

**TENGGU TAN SRI DATO' HAJI MOHAMAD RIZAM BIN TENGGU ABDUL AZIZ**  
**Tengku Temenggong Kelantan**  
**15 April 2021M**